

31/08/2000

Mahathir ingatkan pelajar pertahan perpaduan

Wan Hazmir Bakar

SHAH ALAM, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan pelajar supaya menghargai dan mempertahankan perpaduan yang dikecapi sejak merdeka walaupun wujud perbezaan pendapat antara rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, sejarah perjuangan negara menuntut kemerdekaan membuktikan hanya melalui perpaduan saja, Malaysia yang serba kekurangan berjaya mengalahkan kuasa dunia bagi mencapai kemerdekaan.

"Tidak ada sebab lain yang menyebabkan satu bangsa yang kerdil serta lemah, satu bangsa yang tidak mempunyai orang terlatih atau berijazah dan satu bangsa yang tidak mempunyai kewangan serta senjata menjadi kuat.

"Apabila bangsa yang lemah ini bersatu padu, kita dapat menangkis usaha negara yang menjadi kuasa dunia iaitu British untuk menakluk sepenuhnya negeri Melayu dan seterusnya mencapai kemerdekaan.

"Sebab itu hargailah perpaduan walau apa pun perbezaan pendapat sesama kita, kerana hanya melalui perpaduan saja dapat menjayakan cita-cita kita. Dengan perpaduanlah, kita bakal mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya berucap pada majlis Amanat Komemoratif Kemerdekaan Bersama Perdana Menteri di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Lebih 3,000 pelajar yang hadir turut melafazkan ikrar taat setia kepada negara.

Perdana Menteri berkata, sebarang perbezaan pendapat yang wujud hendaklah diselesaikan dengan baik dan mengutamakan kepentingan negara.

Katanya, jangan sesekali kita membuat sesuatu yang merugikan negara serta mendengar hasutan orang asing yang iri hati pencapaian kita.

Beliau berkata, mereka hanya mahu melihat kita bersengketa sesama sendiri dan seterusnya menjadi lemah supaya mudah untuk menjajah negara ini sekali lagi.

"Apa juga perbezaan pendapat antara kita hendaklah kita selesai sesama kita supaya dapat menumpukan sepenuh masa dan tenaga terhadap pembangunan negara yang kita cintai.

"Inilah negara kita, jika kita tidak sayang dan kita mengkhianatinya maka tidak ada lagi negara untuk kita," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan pelajar tujuan utama mereka menuntut ilmu bukanlah untuk kepentingan peribadi, sebaliknya untuk bangsa, agama dan negara.

Katanya, generasi terdahulu sudah banyak berkorban untuk generasi sekarang dan menjadi tanggungjawab generasi kini membuat pengorbanan sama.

"Kita tidak boleh berfikir mengenai diri sendiri saja. Apa yang kita lakukan sekarang adalah untuk generasi akan datang," katanya.

(END)